

Harian Metro  
5/5/2016

**Kuala Terengganu:** T'Dagang melalui Terengganu Kitchen Sdn Bhd akan memperluaskan pasaran produk Nasi Dagang Sejuk beku ke seluruh negara menjelang Oktober ini dengan jumlah pengeluaran sebanyak 50,000 bungkus.

Penolong Pengurus Besar Bahagian Jualan dan Pemasaran Rozeli Abdul Gani berkata, buat masa ini, produk berkenaan boleh didapati di kedai serbaneka 24 jam T-Mart milik Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) di Kampung Baru, Kuala Lumpur dengan harga pengenalan RM8.50 dengan tiga pilihan lauk iaitu ikan, ayam dan daging.

Beliau berkata, projek nasi dagang sejuk beku dimulakan pada Jun 2015 dengan kerjasama Pusat Sains Kreativiti Terengganu (PSKT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan YPU, dengan kos permulaan operasi RM200,000.

## Perluas pasaran Nasi Dagang Sejuk beku



ROZELI Abdul (kanan) menunjukkan Nasi Dagang beku.

"Ketika ini, kami dalam peringkat memberi penumpuan kepada penambahbaikan pembungkusan produk

dan fokus kepada pasaran tempatan memandangkan kilang baru saja beroperasi pada Mac lalu dengan ka-

pasiti pengeluaran kilang sebanyak 500 bungkus sehari.

"Jika segalanya berjalan

lancar, kita akan menempatkan produk ini di pasaran besar di seluruh negara seperti Giant, Mydin, Tesco dan Aeon Jusco bermula Oktober depan," katanya pada sidang media The Longest Nasi Dagang (T'Dagang) Packet Line di Wisma Terengganu Incorporated Sdn Bhd di Chendering di sini, semalam.

Rozeli berkata, pihaknya turut merancang untuk memasarkan produk nasi dagang sejuk beku ke luar negara dalam tempoh dua tahun lagi.

Katanya, walaupun belum dipasarkan ke luar negara, pihaknya sudah mendapat permintaan daripada beberapa pembekal yang berminat untuk memasarkannya ke Singapura, Brunei, China, Jepun dan Korea Selatan.

"Produk ini mampu bertahan enam bulan dari ta-

rikh pengeluaran dan kewujudannya membolehkan peminat nasi dagang menikmati hidangan ini pada bila-bila masa," katanya.

Mengulas mengenai program Malaysia Book Of Record, The Longest Nasi Dagang (T'Dagang) Packet Line, Rozeli berkata, sebanyak 12,000 bungkus nasi dagang akan disediakan bagi mencipta rekod berkenaan.

Katanya, seramai 220 peserta dijangka menyayakan program berkenaan membabitkan jarak dua kilometer yang akan diadakan di Quinara Al Safir Resort di Jalan Tok Jembal, Kuala Nerus pada 26 Mei depan.

"Program ini diadakan bukan hanya untuk mencipta rekod semata-mata tetapi bertujuan mempromosikan makanan tradisional Terengganu sempena Tahun Melawat Terengganu 2017 ini," katanya.